

21/09/1998

Usah pertikai keputusan mahkamah

ROMPIN, Ahad - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak perlu mempertikaikan keputusan mahkamah menjatuhkan hukuman ke atas dua lelaki yang mengaku diliwatnya (Anwar) kerana keputusan mahkamah dibuat dengan adil, kata anggota Majlis Tertinggi Umno, Datuk Mustapha Mohamed.

Beliau berkata, sistem perundangan negara ini yang diamalkan sejak berpuluh tahun dulu berjalan dengan baik dan tidak ada sebab untuk mana-mana pihak mempertikaikannya.

"Oleh itu, berdasarkan pengakuan kedua-dua lelaki terbabit, tidak harus ada mana-mana pihak sangsi dengan keputusan mahkamah yang dibuat dengan adil," katanya ketika mengulas mengenai perkara itu, di sini, hari ini.

Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam menjatuhkan hukuman penjara masing-masing enam bulan ke atas adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja dan penulis ucapannya, Dr Munawar Ahmad Anees kerana membenarkan diri mereka liwat Anwar.

Selain itu, beliau berkata tindakan Anwar mencabar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya meletakkan jawatan, adalah tidak kena pada tempatnya.

Katanya, sebagai seorang yang bukan lagi ahli Umno, Anwar tidak berhak mengemukakan cabaran kepada sesiapa dalam Umno, lebih-lebih lagi terhadap Dr Mahathir.

"Yang ada hak untuk mengambil tindakan ialah anggota parti, khususnya perwakilan Umno. Jadi cabaran Anwar adalah tidak kena pada tempatnya, katanya.

Dalam ceramahnya di Kuala Terengganu Jumaat lalu, Anwar mencabar Dr Mahathir meletakkan jawatan sekiranya beliau sudah tidak mahu mendengar nasihat orang lain.

(END)